

Pulau Lang Tengah miliki tarikan tersendiri

Rangka pesawat
ringan yang dijadikan
tukun tiruan tercatat
dalam Malaysia
Books of Record.

Menjanjikan percutian berkonsep penerokaan
alam sekitar, beri kepuasan pengunjung

27/04.08.23 / M/S 33

Oleh Mohd Izham Mohd A Wahid

bhnews@bh.com.my

Pulau Lang Tengah, Terengganu terletak di antara Pulau Redang, Kuala Nerus dan Pulau Perhentian, Besut mengambil masa sekitar 45 minit menaiki bot dari jeti Merang, Setiu.

Sesetengah pelancong luar masih menganggap Pulau Lang Tengah sebagai eksklusif atau terpencil berbanding dua pulau itu walaupun hakikatnya berdekatan.

Mungkin juga disebabkan populariti Pulau Redang dan Pulau Perhentian yang lebih terkenal, tumpuan pengunjung lebih terarah ke sana, menjadikan Pulau Lang Tengah destinasi pilihan ketiga.

Bagi yang pernah sampai di sini, pastinya menemui suatu tarikannya tersendiri berbanding pulau lain di Terengganu.

Selain bebas daripada kesesakan pengunjung, pulau ini lebih tenang kerana bilik penginapan yang terhad serta tidak mempunyai penempatan komuniti yang besar berbanding Pulau Redang.

Antara lokasi menarik di Pulau Lang Tengah ialah pesisir Pantai Pasir Air, dapat dilihat panorama menarik di jaluran pasir halus memutih seperti mutiara dan kejernihan airnya, berwarna kehijauan zamrud di siang hari.

Ia pasti membuatkan pengunjung terpujau dan tidak puas jika singgah tanpa bermalam.

Anda boleh lakukan pelbagai aktiviti rekreasi termasuk *snorkeling*, selam skuba di terumbu karang, berkayak menyusuri teluk serta menikmati pemandangan matahari terbenam.

Selain mendaki batuan berbukit menggunakan tali keselamatan, aktiviti *flying fox* dan merentasi denai ke Bukit Batu Bulan atau Bukit Kuching.

Turuf disediakan pakej menyelam dan konservasi batu karang untuk penyelam merasai pengalaman memulihara dan melakukan pemuliharaan batu karang di tapak selaman.

Usaha itu disokong pelbagai pihak bagi memastikan ekosistem terumbu karang dilindungi daripada kerosakan oleh aktiviti manusia dan dipulihara kesan perubahan monsun atau iklim.

Perkhemahan santai

Terkini pengunjung yang mencari kelainan dan pakej berpeluang menjejakan kaki menikmati keindahan Pulau Lang Tengah melalui konsep perkhemahan *free & easy* ditawarkan SEM Camp Site.

Pengunjung disediakan harga pakej berpatutan merangkumi pengangkutan bot, khemah, kemudahan asas lain seperti dapur, bilik air, sewaan

peralatan kayak dan *snorkeling*.

Pemiliknya, Ahmad Fahmi Mahmud, membuka tapak perkhemahan santai selepas mendapati permintaan terhadap konsep itu mula berkembang sekali gus memulakan operasinya awal tahun ini sebagai pilihan percutian privasi.

Aktiviti berkhemah di tepi pantai dilingkungi pasir putih, teduhan rimbunan pokok dan lautan jernih membiru memberikan suasana begitu indah.

“Keindahan alamnya menakutkan, sambil mengadap pemandangan langit cerah yang menenangkan. Udara segar hembusan angin dari laut dapat menyegarkan fikiran dan merehatkan minda,” katanya.


Lokasi strategik, tarikan tersendiri

Projek kelestarian ekosistem untuk konservasi itu tidak mustahil dilakukan untuk jangka panjang sebagai tarikan utama pengunjung untuk melihat pembiakan batu konservasi terumbu karang dan penyu.

Justeru, beliau bercadang menjalin kerjasama Kelab Sukan Selam Skuba Bidong Laut dan memerlukan khidmat nasihat pakar terumbu karang dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Tetamu SEM Camp Site yang juga Pengerusi Persatuan Penggerak Rekreasi Negeri Terengganu (Penggerak), Syed Mohd Yasni Syed Yasin, berkata lokasinya strategik dan ada tarikan tersendiri, paling hampir dengan lokasi, bernama Batu Jong yang menjadi tumpuan pengunjung merakam foto.

Dengan keindahan alam masih



Tapak perkhemahan santai bagi yang inginkan pengalaman semula jadi..



Lokasi strategik di Pulau Lang tengah bagi projek kelestarian ekosistem dan konservasi.

terjaga, sesuai untuk kegiatan rekreasi air memberikan pengalaman unik bagi yang gemarkan cabaran alam semula jadi.

Pulau Lang Tengah ada sebuah pusat konservasi penyu diwujudkan demi kelangsungan kitar hidup dan pembiakan penyu dilindungi.

Pusat itu dikenali sebagai Lang Tengah Turtle Watch, terletak di Teluk Penyu, antara lokasi pendaratan utama penyu bertelur.

Tukun tiruan rangka pesawat

Aktiviti pelancongan dihadkan di kawasan itu terutama ketika musim bertelur untuk memastikan ia bebas bertelur tanpa gangguan.

Ini membuka peluang orang awam menjadi sukarelawan dan mengawasi penyu bertelur sehingga menetas serta memahami tanggungjawab melindungi hidupan marin daripada

diancam kepupusan.

Di kawasan perairan Pulau Lang Tengah dipilih menjadi lokasi penenggelaman tukun tiruan berupa rangka dua buah pesawat ringan jenis Piper PA-31 Navajo yang dilupuskan penggunaannya.

Proses menurunkan pesawat sebagai tukun, pada Mei tahun lalu itu bertujuan membiakkan hidupan laut untuk penyelam singgah menikmati pengalaman bersama pesawat di dalam laut.

Usaha itu mencipta rekod kali pertama dalam *Malaysia Books of Record* sebagai *First Aircraft Reef in Malaysia* sekali gus menjadikan Pulau Lang Tengah sebagai tapak selaman menarik untuk selam skuba.

Pulau Lang Tengah sewajarnya disenaraikan sebagai lokasi percutian idaman yang menjanjikan kepuasan dan merakam kenangan manis.



Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di Pantai Pasir Air yang memiliki panorama indah.